



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**PANDANGAN FATWA BERKAITAN PINJAMAN PENDIDIKAN KONVENSIONAL,
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH (PPNK)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 14 November 2021 telah meneliti permohonan yang dipanjangkan oleh Setiausaha Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (PPNK) dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Pada dasarnya, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah menyokong sepenuhnya cadangan pihak PPNK untuk menukar Skim Pinjaman Pendidikan Konvensional kepada Skim Pinjaman Pendidikan Patuh Syariah.
2. Selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali pada 28 Julai 2008 mengenai Kajian Pelaksanaan Pembiayaan Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Berasaskan Kontrak Ju'alah, hanya kos pentadbiran yang sebenar (*Actual Administrative Cost*) sahaja dibenarkan manakala kos-kos yang lain tidak dibenarkan.
3. Oleh itu, sekiranya pihak PPNK melaksanakan Skim Pinjaman Pendidikan Patuh Syariah, maka sebarang caj yang akan dikenakan adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip muamalahnya. Dalam hal ini, operasi Skim Pinjaman Pendidikan Patuh Syariah boleh dirujuk dalam **Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 – 2011)** seperti di lampiran.

4. Caj denda lewat sebanyak 4% yang sedang dikuatkuasakan pada masa kini adalah membebankan peminjam. Justeru, Jawatankuasa menasihatkan supaya kadar tersebut disemak semula (tidak melebihi had maksimum 2%) atas sebab "تعويض" (ganti rugi atas kerugian sebenar) dan "اجر الخدمة" (bayaran perkhidmatan) mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM).
5. Pandangan ini adalah selari dengan Mazhab as Syafie dari aspek "مؤنة دفع" "القرض على المستقرض" (beban lewat bayar hendaklah ditanggung oleh peminjam) dan ia juga adil dari sudut "عدالة التوزيع" (keadilan dalam agihan).
6. Selain itu, pihak PPNK juga dinasihatkan supaya memberi pilihan kepada peminjam bukan Islam samada memilih Skim Pinjaman Pendidikan Patuh Syariah atau Skim Pinjaman Pendidikan Konvensional.

TARIKH KEPUTUSAN : 21 DISEMBER 2021